





# خطبة عيد الفطرى

**KHUTBAH AIDIL FITRI  
1442H / 2021M**



**JABATAN AGAMA ISLAM PERAK (JAIPk)**

**Kompleks Islam Darul Ridzuan,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan**



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "KEBESARAN AIDILFITRI"

13 Mei 2021 / 1 Syawal 1442

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ  
أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ كَيْرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً  
وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَخْرَابَ  
وَحْدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى أَلِهٖ وَصَحْبِهِ وَالْتَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ لَهُمْ  
يَا حُسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فِيمَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوشُ إِلَّا وَأَتْمُ  
مُسْلِمُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

١٦) قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّهَا ⑥ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا

(Surah Asy-Syams ayat 9 - 10)<sup>4</sup>

Maksudnya: Sesungguhnya berjayaalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan) (9). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat) (10).

**Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

Alhamdulillah, diangkat lafaz syukur ke hadrat Allah SWT yang telah mengurniakan kita kesihatan dan ketabahan berupaya menyempurnakan ibadah puasa sepanjang Ramadan. Berpuasa menguji kekuatan jasmani, kekuatan minda dan kekuatan rohani. Amalan puasa telah menyemai disiplin, membimbing insan mengawal nafsu. Manusia sering tergelincir ke lembah hina disebabkan gagal mengawal nafsu hingga bersifat tamak, bersifat haloba, bersifat riak, bersifat sompong, melakukan pembaziran, mencetuskan persengketaan, merosakkan kehidupan.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa

<sup>4</sup> Ayat Al-Quran



Segala kerosakan dan kebinasaan berlaku kerana manusia didorong oleh hawa nafsu yang tidak terkawal. Allah SWT berfirman dalam surah Yusuf ayat 53:

وَمَا أَبْرَئُ نَفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبُّكَ إِنَّ رَبَّكَ عَفُورٌ تَّحِيمُ

Ertinya: Dan aku tidak (mengatakan) diriku bebas (dari pada kesalahan), kerana sesungguhnya nafsu itu selalu mendorong ke arah kejahatan, kecuali (nafsu) yang diberi rahmat oleh Tuhan. Sesungguhnya Tuhan Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Semoga pelbagai ibadah yang dilakukan sepanjang Ramadan, di samping membantu membersihkan rohani, turut membantu membina tubuh yang lebih sihat lagi cerdas. Ramadan bulan mulia melaksanakan ibadah, bermula dengan ihsan Ilahi, diakhiri dengan kemerdekaan yang dilimpahi keampunan menjelang Syawal.

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Hari ini kita menyambut 1 Syawal, Hari Raya Aidilfitri, hari yang dianugerahi Ilahi kepada para hamba Nya yang berjaya melalui dugaan mengawal nafsu. Islam mensyariatkan ummah menyambut Aidilfitri. Kalimat fitri bermaksud fitrah, iaitu kejayaan manusia kembali kepada fitrah yang asal; dilahirkan bersih daripada dosa dan noda; lalu Allah SWT menganugerahkan satu hari istimewa yang dilimpahkan keriangan sebaik Syawal muncul di ufuk.

Rasulullah SAW menyeru agar Aidilfitri dijadikan hari untuk mengeratkan perpaduan. Baginda mengisyiharkan Aidilfitri sebagai hari kedamaian - hari kegembiraan - hari keriangan. Sambutlah Aidilfitri dalam suasana damai, gembira dan riang dengan mengeratkan silaturahim; sambutlah Aidilfitri dengan menyemaikan rasa kasih sayang sesama insan. Syeikh ‘Usman Al-Khaubari menghuraikan kenyataan tersebut di dalam kitabnya *Durratun Nasihin*:

**“Bersungguh-sungguhlah kamu semua pada Hari Raya Aidilfitri dengan bersedekah dan amalan-amalan yang baik, yang bagus daripada solat, zakat, tasbih, tahlil kerana sesungguhnya hari ini Allah SWT mengampuni dosa kamu, mengabulkan doa mu dan melihat kamu semua dengan kasih sayang.”**

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ



Aidilfitri hendaklah disambut berlandaskan syariat dan ajaran Islam; banyakkan bersedekah, terutama dalam kalangan kita yang telah dilimpahkan dengan pelbagai keistimewaan nikmat dan kesenangan rezeki, hulurkan bantuan kepada fakir miskin, limpahkan kasih sayang kepada anak yatim, muliakan orang tua kita yang semakin uzur dimamah usia, tunaikan zakat harta dan zakat fitrah.

Menunaikan zakat ialah Rukun Islam yang berada di kedudukan kedua selepas solat; beberapa ayat Al-Quran merangkaikan dua rukun ini, yang saling melengkapi dan tidak boleh dipisahkan. Solat menjaga hubungan manusia dengan pencipta Nya, manakala zakat menjaga hubungan sesama manusia. Maka dengan itu, difardukan kepada setiap orang menunaikan zakat fitrah sekali setahun setibanya Aidilfitri.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

**Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

Sambutlah Aidilfitri mengikut lunas yang ditetapkan syarak, lunas yang memiliki nilai ibadah, agar amal makruf yang dilakukan sepanjang Ramadan menjadi lengkap - menjadi sempurna. Hindarkan perbuatan membazir, hindarkan perlakuan bermewah-mewah dan hindarkan sifat bermegah-megah yang boleh mendorong kepada rasa riak. Kemuliaan Syawal jangan dicemari dan kemuliaan Syawal jangan dinodai dengan perbuatan-perbuatan mungkar. Marilah bersama-sama kita bertekad untuk membersihkan jiwa dan kembali kepada fitrah Islam.

Sambutlah Aidilfitri dengan menyinarkan cahaya murni Islam melalui sifat baik sangka, sifat bersaudara, sifat saling bermaaf-maafan dan sifat mempererat silaturahim.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.  
الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>5</sup> الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ، وَلَهُ مَا فِي الْآخِرَةِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْخَلَقِ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>6</sup> وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ<sup>7</sup>  
وَصِيمَكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقْوَى اللَّهُ وَطَاعَتِهِ فِي كُلِّ وَقْتٍ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

Keghairahan menyambut Aidilfitri jangan sampai mengalpakan kita akan musibah yang sedang melanda dunia ketika ini. Dunia sedang bergelut untuk menangani ancaman virus Covid-19. Lebih 160 juta orang manusia telah dijangkiti mengakibatkan lebih 3.5 juta kematian. Ramai yang hilang pekerjaan dan semakin ramai yang menjadi miskin. Virus Covid-19 semakin mengganas. Hospital bertambah sesak, katil dan kemudahan semakin tidak berupaya menampung bilangan pesakit yang semakin meningkat setiap hari.

Insaflah, ketika majoriti umat Islam berpeluang menyambut Hari Raya di rumah masing-masing dengan berpakaian indah serta menikmati pelbagai juadah, para petugas barisan hadapan, terutama para doktor, jururawat dan kakitangan hospital, sedang bergelut untuk menyelamatkan para pesakit yang semakin meningkat. Sudah lebih setahun mereka tidak mengenali erti rehat, sudah lebih setahun mereka menghadapi kepenatan yang kita tidak merasainya. Semoga khidmat dan pengorbanan mereka diterima oleh Allah SWT sebagai amal makruf yang dikurniakan keberkatan semasa di dunia, dilimpahi rahmat keselesaan ketika di alam barzakh, dan diberikan timbangan amal ketika di Padang Mahsyar.

Mimbar menasihatkan para jemaah dan seluruh rakyat;

**Pertama:** Menyambut Aidilfitri dengan norma baharu, mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan.

**Kedua:** Tidak melakukan acara ziarah menziarahi dan kunjung berkunjung antara rumah ke rumah.

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa



**Ketiga:** Menangguhkan hasrat menziarahi kubur ke waktu yang lebih sesuai apabila angka jangkitan sudah lebih terkawal.

**Keempat:** Membantu meringankan tanggungan berat saudara-saudara kita yang kehilangan pekerjaan atau sumber pendapatan akibat Perintah Kawalan Pergerakan dengan menghulurkan sedekah dan bantuan.

**Kelima:** Tunjukkan simpati dan penghargaan kepada para petugas di barisan hadapan dengan tidak berkunjung ke tempat orang ramai, sentiasa menjaga kebersihan dan memakai pelitup muka, mendaftar diri dan tampil ke hadapan untuk menerima vaksin, di samping berdoa kepada Allah SWT agar kita dilindungi daripada ancaman wabak Covid-19.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Mimbar menyeru para jemaah agar kita istiqamah berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk. Imarahkanlah rumah Allah SWT dengan terus-menerus mengerjakan ibadah dan solat fardu secara berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الَّتِي يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰةً عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>8</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>9</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ يَنْهِمْ وَالْفَوْجَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ  
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِقْتُمُ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ أَعَزِّ الإِسْلَامَ  
وَالْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ انصُرِ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَانْصُرِ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي  
فَلَسْطِينَ، وَأَفْغَانِسْتَانَ، وَالشَّيْشَانَ، وَبِلَادِ الشَّامِ، وَالْيَمَنِ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَزَمَانٍ.  
اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا فِي رُوسِ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحَنَّ، وَالْفَتَنَّ، مَا طَهَرَ

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً. اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا، وَارْحَمْ  
مَوْتَانَا، وَيَسِّرْ أُمُورَنَا، وَاحْفَظْ أُوْطَانَنَا. اللَّهُمَّ جَنِّبْ عَالَمَنَا الْحُرُوبَ وَالصَّرَاعَاتِ، وَاحْفَظْ  
شَبَابَنَا، وَاحْمِ بِلَادَنَا مِنْ كُلِّ مَكْرُوهٍ وَسُوءٍ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

**Ya Allah**, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran serta lindungilah mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Allah**, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

**Ya Allah**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَتَأْ عَذَابَ النَّارِ.

فِيَ عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾. فَاذْكُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ  
يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.